

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @  
LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 [ RABU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hasil daripada lawatan kerja Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak ke Julau bulan September lalu, adakah Kementerian akan meluluskan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat atau Balai Bomba Kategori E untuk daerah Julau.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, lawatan kerja Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sarawak ke Julau pada 17 September 2020 lalu telah mengenal pasti satu tapak balai bomba yang merupakan tanah kerajaan berkeluasan 5.75 ekar berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Julau. Pada masa kini, JBPM sedang melengkapkan dokumen permohonan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Sarawak untuk menggunakan sebahagian tapak tanah berkenaan bagi cadangan pembinaan balai bomba kategori E di daerah Julau. Walau bagaimanapun, pembinaan balai ini adalah tertakluk kepada kelulusan permohonan tapak serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kawasan Julau kini mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat Bintangor dengan jarak lebih kurang 45 kilometer. Khidmat kebombaian di kawasan Julau dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela Pekan Julau dengan kekuatan 20 orang anggota dan sebuah kenderaan bomba sukarela Proton Arena yang dilengkapi dengan pam angkut dan hos bagi tujuan pemadaman.

Sekian, terima kasih.